

Kewajipan mutlak bagi tiap-tiap umat Islam menegakkan negara Islam di mana juga ia berada. Ingatlah kepada mereka yang mengatakan ini tidak baik bahawa umat Islam diwajibkan menghukum dengan hukum-hukum Tuhan kalau tidak ia fasik, zalim dan kafir! Ia mesti ingat bahawa memperjuangkan cita-cita negara Islam itu wajib dan kerana kewajipan itulah walaupun apa orang hendak mengatakan kepada kita, kita mesti tegakkan dan kita mesti banteras musuh-musuh itu yang menggunakan Islam sebagai alat untuk mempengaruhi umat. Mudah-mudahan Tuhan akan memberi pertunjuk kepada kita bersama.

Bersambung.



*Anggota Ikhwan dari Madrasah al-Lughah al-'Arabiyyah Kancung Darat, Banting. Duduk dari kiri: Saudara Ahmad Tarmizi dan saudara Ahmad Tanau (Ikhwan: 1414). Bersama-sama dengan dua sahabat lagi.*

## Kenyataan Kepada Anggota-anggota **IKHWAN**

Pemimpin Ikhwan dari satu ke satu masa berharap mendapat kerjasama dari anggota Ikhwan. Ikhwan selalu mengadakan ceramah-ceramahnya di Singapura dan untuk memberi peluang kepada saudara-saudara yang di luar Singapura maka kami mengusahakan supaya ceramah-ceramah itu dibukukan.

Ceramah yang pertama yang diucapkan oleh Prof Abdul Kahar Muzakkar telah kami siarkan.

Yang kedua – risalah “Kesedaran” telah kami siarkan dan telah mendapat perhatian.

Yang ketiga ucapan Kiyai Muhammad Arshad Talib Lubis sudah kami usahakan, juga ucapan Kiyai Nasruddin Latif tentang “Rumah Tangga” sedang kami usahakan untuk dibukukan.

Bagi satu-satu risalah itu kami tidak meminta bayaran harganya daripada anggota-anggota Ikhwan tetapi kami meminta tiap-tiap seorang menghantarkan setiap 10 sen untuk belanja mengirimnya – lainnya tidak.

Tujuannya ialah supaya tiap-tiap anggota Ikhwan mendapat faedah dan manfaatnya dengan tidak berbelanja – selain daripada setem.

Pintalah kepada:

IKHWAN

356 & 358, Geylang Rd.,  
Singapore-14.